

Bulatkan kata bilangan yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian, kelaskan kata bilangan tersebut mengikut jenisnya.

Ayat	Jenis kata bilangan
1 Pasar pagi di taman perumahan saya hanya dibuka pada setiap hari Sabtu.	
2 Aiman hanya sempat menjawab dua pertiga daripada soalan sebelum masa peperiksaan tamat.	
3 Kedua-dua orang anak Mak Yati berbudi bahasa.	
4 Emak merebus berpuluh-puluh biji telur untuk ulang tahun kelahiran adik.	
5 Semua pemandu dikehendaki mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.	
6 Para sukarelawan memberikan bantuan kepada mangsa gempa bumi di Pulau Sumatera.	
7 Usman berasa amat kecewa kerana dia hanya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan melukis itu.	
8 Berbagai-bagai jenis juadah yang enak dijual di bazar Ramadan itu.	